

**Dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut di Pantai Timur Borneo Utara
semasa zaman Kesultanan Sulu (1704-1878)**

ABSTRACT

Makalah ini membincangkan dasar pemerintahan Kesultanan Sulu dalam pembangunan ekonomi kelautan di pantai timur Borneo Utara. Terdapat empat dasar utama, iaitu dasar pengawalan ekonomi; dasar monopoli perdagangan; dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut, dan; dasar amalan perlanunan dan perhambaan. Makalah ini memfokus dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut, yang menjadi agenda utama dalam pembangunan ekonomi di pantai timur Borneo Utara. Kepentingan dasar ini adalah berikutan perkembangan pesat pelabuhan Jolo dan permintaan bahan mentah yang tinggi oleh China. Dasar ini dilaksanakan oleh golongan pembesar Sulu yang bertindak sebagai pemodal dalam aktiviti memungut, menangkap dan memasarkan. Dasar ini berjaya mencapai matlamat untuk menguasai kekayaan sumber laut di perairan pantai timur Borneo Utara. Kejayaan dasar ini membuktikan Kesultanan Sulu sebagai sebuah kerajaan yang berpentaskan laut sebagai teras kuasa politik dan ekonomi di rantau Asia Tenggara.